

## Perkembangan Pentafsiran Peristiwa Berkaitan Perjanjian Pangkor 1874

### *The Development of Interpretations of Events Related to The Pangkor Treaty of 1874*

SHARAN SYAHMI SHARIF\* & SITI ZAHRAH MAHFOOD

*Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,*

*35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia*

Corresponding author: [sharansyahmi@gmail.com](mailto:sharansyahmi@gmail.com)

Received: 19 June 2025      Accepted: 12 November 2025

#### Abstrak

Peristiwa yang berlaku di daerah Larut merupakan perkara yang signifikan di dalam perjalanan sejarah Malaysia. Dasar campurtangan British telah membawa kepada Perjanjian Pangkor 1874 yang merupakan pengakhiran kepada siri Perang Larut sekali gus menjadi titik permulaan kolonialisme British secara rasmi. Pemaparan peristiwa yang berlaku di daerah Larut ini ditampilkan di dalam historiografi yang terus berkembang seiring dengan perubahan zaman. Penulisan berkenaan dengan peristiwa ini dipaparkan di dalam tiga kelompok penulis yang berbeza yang terdiri daripada penulisan pegawai British, penulisan sarjana Eropah dan penulisan sarjana tempatan. Kajian ini akan membincangkan mengenai perkembangan historiografi daerah Larut dengan mengkhususkan kepada naratif Perang Larut (1861-1874) sehinggalah termeterainya Perjanjian Pangkor 1874 berdasarkan karya-karya yang telah dihasilkan. Penggunaan kaedah kualitatif sejarah dengan sumber-sumber primer yang terdiri dari dokumen dan rekod rasmi kerajaan bagi melengkapkan sumber-sumber sekunder sebagai data utama bagi memaparkan pentafsiran berkaitan dengan peristiwa tersebut seperti buku, artikel dan bab dalam buku. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa historiografi daerah Larut sememangnya mengalami perubahan yang ketara seiring dengan perkembangan yang berlaku di dalam disiplin ilmu sejarah yang dibawa oleh perkembangan zaman termasuklah di dalam pentafsiran berkenaan dengan insiden siri Perang Larut dan Perjanjian Pangkor 1874.

Kata kunci: Perjanjian Pangkor; Perang Larut; Pensejarahan Malaysia; Pentafsiran Sejarah; Naratif Sejarah

#### *Abstract*

*The events that took place in the Larut district are significant in the course of Malaysian history. The British intervention policy led to the Pangkor Treaty of 1874, which marked the end of the Larut Wars and became the starting point of official British colonialism. The events that occurred in the Larut district are presented in historiography that keeps evolving with changes over time. Writings concerning this event are presented in three distinct groups of authors which are British officers, European scholars, and local scholars. This study will discuss the development of the historiography of the Larut district by focusing on the narrative of the Larut Wars (1861–1874) until the signing of the Pangkor Treaty 1874 based on existing works. The historical qualitative method is employed with primary sources consisting of government documents and official records, to complement the secondary sources as the main data for presenting interpretations related to the event, such as books,*

*articles, and book chapters. The results of this study find that the historiography of the Larut district has indeed undergone significant changes with the developments in the discipline of history as time progressed including the interpretation of the incidents of the Larut Wars series and the Pangkor Treaty of 1874.*

*Keywords: Pangkor Treaty; Larut Wars; Malaysia Historiography; Historical Interpretation; Historical Narrative*

## **Pengenalan**

Peristiwa termeterainya Perjanjian Pangkor akibat insiden yang telah berlaku di daerah Larut pada penghujung kurun ke-19 merupakan fasa yang signifikan di dalam naratif sejarah Malaysia. Hal ini demikian kerana ianya memperlihatkan permulaan kepada campurtangan British yang telah memberikan dampak yang besar bukan sahaja terhadap daerah Larut dan negeri Perak sahaja. Malahan ianya turut membawa kepada penjajahan Tanah Melayu seluruhnya. Keadaan huru-hara di daerah Larut yang berakhir dengan Perjanjian Pangkor 1874 merupakan bukti yang jelas terhadap perubahan dasar tidak campur tangan kepada dasar campur tangan British ke atas negeri-negeri Melayu. Naratif yang seringkali dikemukakan bagi menjustifikasikan peristiwa yang membawa kepada termeterainya perjanjian ini ditampilkan dengan mengaitkan dua peristiwa yang berlaku beberapa tahun sebelumnya iaitu siri Perang Larut (1861-1874) dan perebutan takhta yang berlaku dalam insitisi pentadbiran Perak.

Sehubungan itu, perkembangan disiplin ilmu sejarah yang dipengaruhi oleh perkembangan zaman telah menunjukkan wujudnya naratif sejarah yang berbeza melalui pentafsiran dan interpretasi berdasarkan karya-karya yang dihasilkan khususnya dari tiga kelompok penulis yang berbeza. Ketiga-tiga kelompok yang menghasilkan penulisan bagi memerihalkan peristiwa Perjanjian Pangkor ini secara spesifiknya terdiri daripada kalangan pegawai British, sarjana Barat dan sarjana tempatan. Perbezaan pentafsiran dari tiga kelompok ini secara langsung menimbulkan persoalan berkenaan dengan tafsiran yang dikemukakan di dalam karya penulisan mereka. Hal ini demikian kerana, ketiga kelompok tersebut mengetengahkan peristiwa yang sama sebagai tumpuan utama perbincangan kajian mereka. Kriteria pengkategorian ini ditentukan berdasarkan garis masa penerbitan dan latar belakang penulis tersebut. Penulisan pegawai British umumnya hasil dari catatan dan pengalaman mereka ketika berkhidmat di Tanah Melayu. Seterusnya, tradisi penulisan diteruskan oleh sarjana Barat pada awal kurun ke-20 diikuti oleh sarjana tempatan dari penghujung kurun ke-20 sehinggalah kontemporari ini. Ketiga-tiga golongan penulis yakni pegawai kolonial British, sarjana Barat dan sarjana tempatan telah menghasilkan karya penulisan yang sama tetapi mempunyai perbezaan dari segi pentafsiran berkenaan dengan peristiwa yang berkait rapat dengan Perjanjian Pangkor 1874. Oleh sebab itu, kajian ini akan menganalisis perkembangan pensejarahan berkenaan peristiwa Perjanjian Pangkor 1874 berdasarkan pentafsiran ketiga-tiga kelompok penulis tersebut. Perincian peristiwa yang berkaitan dengan perjanjian tersebut akan dimasukkan bagi membentuk pemahaman yang lebih menyeluruh, di samping analisis tekstual akan dilakukan untuk merumuskan fokus karya penulisan dalam kalangan kelompok yang telah dinyatakan. Maka, matlamat dalam analisis karya penulisan ketiga-tiga kelompok ini adalah untuk memperlihatkan perkembangan historiografi bukan sahaja dari segi perincian perbincangan malah turut merangkumi tumpuan kajian dan penilaian terhadap elemen-elemen yang mempunyai pengaruh terhadap peristiwa termeterainya Perjanjian Pangkor 1874.

### **Perkembangan Pentafsiran Perjanjian Pangkor 1874**

Pensejarahan Malaysia sering memaparkan insiden yang berlaku di daerah Larut pada penghujung kurun ke-19 sebagai detik permulaan kepada naratif sejarah kolonialisme British di negara ini. Hal ini demikian kerana, perjanjian yang telah ditandatangani bagi menyelesaikan krisis yang berlaku di negeri Perak dilihat sebagai sebuah pintu masuk kepada kolonialisme British ke seluruh Tanah Melayu. Disebabkan perkara tersebut, penghujung kurun ke-19 dilihat sebagai tempoh yang signifikan di dalam naratif sejarah Malaysia. Bahkan kepentingan perkara ini dapat dilihat melalui kepelbagaian tafsiran yang terdapat di dalam karya penulisan yang menyentuh peristiwa Perjanjian Pangkor 1874. Kepelbagaian pentafsiran tersebut adalah berkait rapat dengan perkembangan disiplin ilmu sejarah khususnya dari segi pendekatan, sumber dan lain-lain aspek yang menyentuh berkaitan historiografi.

Analisis terhadap hasil penulisan yang menyentuh topik berkenaan insiden daerah Larut ini akan menggariskan perkembangan tafsiran berdasarkan karya pegawai British, sarjana Barat dan sarjana tempatan. Hasil penulisan pegawai British terdiri daripada kalangan kelompok penulis yang terlibat secara langsung semasa peristiwa itu berlaku, atau daripada pegawai yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu beberapa tahun selepas peristiwa tersebut. Rakaman peristiwa di daerah Larut ditunjukkan melalui catatan mereka dan sebahagiannya dapat ditemui dalam bentuk buku pada hari ini. Manakala, dua kelompok penulis berikutnya adalah terdiri daripada kalangan sarjana yang dilengkapi dengan kepakaran dalam disiplin ilmu tertentu termasuklah bidang sejarah. Kebanyakan penulisan yang dihasilkan oleh kelompok sarjana ini adalah hasil rujukan daripada sumber-sumber rasmi kerajaan British, catatan para pegawai kolonial dan beberapa sumber lain. Ringkasnya, berdasarkan hasil penulisan ketiga-tiga kelompok dapat memperlihatkan bahawa wujudnya pentafsiran yang berbeza dalam penilaian dan penelitian yang dilakukan ke atas peristiwa Perjanjian Pangkor 1874.

Perbezaan pentafsiran itu sememangnya dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti pendekatan yang digunakan, pemilihan sumber rujukan serta latar belakang pemikiran dan ideologi penulis atau pengkaji. Faktor-faktor ini jelas memainkan peranan dalam membentuk tafsiran sejarah bagi menggambarkan peristiwa penting seperti peristiwa yang berkaitan dengan Perjanjian Pangkor 1874. Menurut Khoo Kay Kim, pendekatan yang digunakan oleh ahli akademik dalam penulisan sejarah cenderung bersifat analitikal dan kritikal, berbeza dengan pendekatan historiografi kolonial yang lazimnya bersifat deskriptif dan lebih menjurus kepada sejarah popular.<sup>1</sup> Oleh itu, tumpuan perbincangan seterusnya adalah berkaitan dengan hasil tafsiran dari kalangan tiga kelompok penulis yang berbeza dari segi metodologi, pendekatan dan latar belakang institusi pengkaji telah memberikan pengaruh terhadap perkembangan tradisi historiografi Malaysia.

### **Tafsiran Kolonial**

Pemerihalan peristiwa yang berkait rapat dengan Perjanjian Pangkor 1874 didahului oleh kelompok penulis yang terdiri daripada kalangan pegawai British yang berkhidmat di Tanah Melayu, sama ada pegawai yang terlibat di dalam peristiwa termeterainya Perjanjian Pangkor 1874 atau pegawai yang berkhidmat beberapa tahun selepas peristiwa tersebut berlaku. Antara pegawai British yang membincangkan peristiwa berkaitan dengan Perjanjian Pangkor 1874 ini ialah Frank Swettenham, R. G. Wilkinson, R. O. Winstedt, Fred McNair dan Leonard Wray. Umumnya, penulisan-penulisan mereka ini menyentuh aspek yang luas seperti situasi politik dan pentadbiran, latar belakang masyarakat peribumi dan persekitaran yang mempunyai potensi ekonomi.

Historiografi yang dipaparkan di dalam hasil penulisan para pegawai British ini telah memperlihatkan pentafsiran senada dan kebanyakannya adalah bersumberkan rekod dan laporan yang dihasil serta dicatatkan oleh pentadbir British sendiri. Perkara ini tidaklah menghairankan kerana

menurut Ishak Saat, rekod rasmi yang dicatat dan dihasilkan oleh pihak kolonial ini semestinya terdapat unsur pembaratan atau berpihak dan berdasarkan kaca mata British.<sup>2</sup> Maka, rekod-rekod yang berbentuk dokumen kerajaan semestinya mengandungi elemen yang terhasil daripada pengamatan perspektif Barat sebagai pihak pentadbir.

Tambahan pula, kebanyakan penulisan pegawai British ini adalah berdasarkan pengalaman peribadi mereka semasa peristiwa tersebut berlaku atau melalui rujukan secara terus daripada hasil laporan yang dicatatkan di dalam rekod rasmi kerajaan. Antaranya, rekod-rekod rasmi yang memaparkan peristiwa berkaitan dengan Perjanjian Pangkor 1874 adalah seperti *Perak Government Gazette*,<sup>3</sup> *Straits Settlement Government Gazette*,<sup>4</sup> *Federated Malay States Government Gazette*<sup>5</sup> dan *Malayan Union Annual Report*.<sup>6</sup> Malah laporan-laporan ini dihasilkan oleh para pegawai yang berkhidmat di Tanah Melayu sejak peringkat awal penjajahan lagi. Hal ini dapat dilihat pada bahagian akhir laporan yang kebiasaannya meletakkan nama pegawai British yang melaporkan perkara tersebut. Misalnya, F. A. Swettenham,<sup>7</sup> J. E. Kempe,<sup>8</sup> E. W. Birch,<sup>9</sup> dan beberapa lagi pegawai British yang lain. Oleh sebab itu, laporan yang dicatatkan daripada rekod-rekod ini tentunya lebih condong dan berpihak kepada perspektif kolonial. Misalnya, laporan *Straits Settlement Government Gazette* (1874) mencatatkan justifikasi terhadap campur tangan British di Perak yang dikaitkan dengan usaha memulihkan kestabilan politik dan memajukan ekonomi:

*“Whereas an engagement was entered into at Pulo Pangkor on the 20<sup>th</sup> day of January 1874, at the instance of the Chiefs of Perak, and executed in the presence of His excellency the Governor of the Straits Settlement, for the pacification of the country, the re-establishment of the Royal Family and Chief in their respective ranks and authority; for the security of the people in life and property; the advancement of trade, and the development of the resources of the country...”*<sup>10</sup>

Petikan ini mencerminkan wacana kolonial yang berkisar kepada naratif keamanan dan kemajuan sebagai alasan untuk pelaksanaan dasar campur tangan. Namun, pendekatan ini seringkali mengabaikan motif sebenar British yang lebih menjurus kepada kepentingan ekonomi dan penguasaan sumber asli Perak seperti sumber bijih timah. Dalam konteks historiografi pascakolonial, naratif ini wajar dinilai secara kritikal kerana ia memanipulasi prinsip ‘kemajuan’ bagi menjustifikasi penjajahan dan penghakisan kedaulatan tempatan. Tambahan pula, pernyataan bahawa tindakan itu dilakukan “*at instance of the Chiefs of Perak*” perlu diteliti secara kontekstual, kerana ia mengaburi tekanan politik sebenar yang dikenakan ke atas pembesar Perak pada ketika itu.

Malah perincian seperti ini diteruskan ke dalam laporan rasmi kerajaan yang lain pada tahun-tahun berikutnya. Secara khususnya, rekod tersebut meletakkan sejarah ringkas negeri Perak dengan gambaran kekacauan akibat kegiatan lanun dan peperangan antara kongsi gelap Cina pada 1872 sehingga 1874 sehingga termeterainya Perjanjian Pangkor hasil campurtangan Andrew Clarke.<sup>11</sup> Buktinya dapat dilihat melalui laporan kerajaan negeri Perak pada tahun 1947 bahawa:

*“From 1872 to 1874 serious disturbances took place amongst the Chinese miners in the district of Larut. Large deposits of tin had been found and these disturbances, amounting to civil war, has serious repercussions on the trade of Penang and even threatened the peace of that Settlement. As a consequence, in 1874, Sir Andrew Clarke espoused the cause of Raja Muda Abdullah, who has been passed over for the Sultanate, and in return for his recognition as Sultan, Abdullah and a number of his Chief signed the Pangkor Treaty...”*<sup>12</sup>

Pernyataan tersebut jelas memperlihatkan pandangan pihak kolonial dan ianya turut senada dengan karya pegawai British. Contohnya, Fred McNair dalam karyanya *Perak and the Malays* (1878) menekankan peranan Andrew Clarke dalam menyelesaikan konflik antara kongsi gelap Cina dan pertikaian takhta di Perak, lalu memposisikan campur tangan British sebagai pihak penyelamat.<sup>13</sup> Naratif ini bertepatan dengan strategi wacana kolonial yang menjustifikasi keperluan pemerintahan British atas dasar kestabilan dan kemajuan. Tafsiran sedemikian menenggelamkan suara tempatan dan cenderung mengabaikan dinamika kuasa sebenar antara pihak kolonial dan pemerintah Melayu.

Dokumen dan rekod rasmi kerajaan yang dihasilkan melalui perspektif kolonial secara langsung mempengaruhi bentuk dan kandungan penulisan sejarah pegawai kolonial British. Perkara ini semakin jelas apabila ianya dijadikan sumber rujukan utama dalam penulisan sejarah awal Tanah Melayu. Hal ini dinyatakan oleh Barbara Andaya bahawa:

*“...the first major study which became the authoritative work for many years was Frank Swettenham’s 1907 History of British Malaya. This was followed in 1918 by R. O. Winstedt’s Kitab Tawarikh Melayu (History of the Malays), which became the basis for an extended version of his History of Malaya, published in 1935. Another early pioneering work emphasizing the newly-formed colonial entity was L. A. Mills’ British Malaya, 1824-1867, which appeared in 1925.”*<sup>14</sup>

Pernyataan ini menunjukkan bahawa karya pegawai kolonial ini bukan sahaja menjadi rujukan utama dalam tempoh yang panjang, malah secara tidak langsung membentuk kerangka naratif sejarah yang menumpukan kepada pencapaian dan peranan British dalam ‘memodenkan’ Tanah Melayu. Penulisan pegawai British sering kali mengabaikan atau meminimakan peranan dan perspektif masyarakat tempatan, sekali gus membentuk satu tafsiran yang berat sebelah serta menyumbang kepada pembentukan memori sejarah yang selektif dan tidak seimbang. Oleh itu, penting untuk penulisan sejarah kontemporari menilai semula sumber kolonial ini secara kritikal termasuklah melalui penggunaan pendekatan historiografi alternatif seperti pendekatan pascakolonial, sejarah dari bawah (*history from below*), dan sejarah lisan.

Pandangan tersebut juga memperlihatkan bahawa penulisan-penulisan yang dihasilkan oleh para pegawai British memberikan pengaruh dalam naratif pensejarahan Malaysia. Malah hasil penulisan kelompok ini lazimnya mengandungi elemen stereotaip yang ditunjukkan di dalam perspektif Eurosentrik.<sup>15</sup> Hal ini secara ringkas dinyatakan oleh Tregonning bahawa hampir keseluruhan karya penulisan yang dihasilkan oleh orang Eropah pada penghujung kurun ke-19 dan awal kurun ke-20 adalah tinjauan dari kaca mata yang bersentrikkan Eropah.<sup>16</sup> Perkara ini bukan hanya menampilkan kemegahan, kekuatan atau ‘superiority’ Barat sebagai bangsa yang bertamadun, malah ia juga secara langsung merendahkan masyarakat peribumi dengan melihat mereka sebagai bangsa yang lemah atau ‘inferior.’<sup>17</sup> Perkara ini diperincikan lagi oleh Lajiman Janoory bahawa:

*“Western explorers, conquerors, administrators, missionaries, colonists and philanthropists, whether evil or benign, imperious or otherwise, generally, possessed a singleness of view about the superiority of their civilisation and the inferiority of Others.”*<sup>18</sup>

Petikan ini secara jelas menunjukkan bahawa golongan Barat, termasuklah British membawa satu kerangka pemikiran dominan yang menekankan keunggulan tamadun mereka dan meletakkan masyarakat peribumi sebagai inferior. Pandangan ini bukan sekadar bersifat stereotaip, malah membentuk asas ideologi kolonial yang diterjemahkan dalam bentuk penulisan sejarah, dasar

pentadbiran dan hubungan kuasa. Naratif sedemikian memainkan peranan penting dalam mencorakkan pensejarahan awal Tanah Melayu yang cenderung mengabaikan agensi dan suara tempatan.

Sehubungan itu, menurut Muhammad Hanapi sikap tersebut adalah diklasifikasikan sebagai sikap etno-sentrik yang melihat golongan atau kebudayaan sendiri lebih unggul daripada pihak lain.<sup>19</sup> Sikap ini juga terlihat di dalam penulisan pegawai British yang membincangkan peristiwa berkaitan dengan Perjanjian Pangkor 1874. Misalnya, karya *About Perak* oleh Swettenham (1893) yang menyatakan bahawa kekacauan yang berlaku di Larut disebabkan kegagalan institusi pentadbiran bagi memastikan keamanan akibat konflik dalaman sehingga gagal untuk menyelesaikan masalah perang saudara antara kongsi gelap Cina.<sup>20</sup> Malahan, Swettenham juga secara terang-terangan mengangkat dasar kolonialisme British dengan menggambarkan perkembangan di negeri tersebut selepas beberapa tahun pentadbiran British dijalankan khususnya dari aspek pembangunan sektor ekonomi perlombongan bijih timah, pertanian dan penempatan masyarakat Eropah.<sup>21</sup> Sehubungan itu, menurut Sarena Abdullah perspektif eurosentrik Swettenham turut ditampilkan di dalam karya lainnya yang bukan sahaja tidak meletakkan minat terhadap penglibatan masyarakat tempatan malah menampilkan masyarakat tempatan sebagai pihak yang pasif dan lebih cenderung untuk memaparkan kekayaan hasil bumi di Tanah Melayu.<sup>22</sup> Ringkasnya, matlamat yang dapat dikenalpasti dalam penulisan ini adalah bertujuan memaparkan perkembangan yang berlaku setelah penjajahan berlangsung sekali gus menjustifikasikan dasar tersebut sebagai sesuatu yang signifikan ke arah pembentukan institusi pentadbiran yang teratur dan efisien.

Tambahan pula, gambaran negatif terhadap masyarakat dan kepimpinan tempatan turut dapat dikesan dalam penulisan Fred McNair, seorang pegawai British yang sezaman dengan Swettenham. Dalam bukunya *Perak and the Malays* (1878), McNair menggambarkan Sultan Perak sebagai seorang yang cuai, malas dan tidak mengambil tanggungjawab dalam mentadbir kawasan yang dihuni oleh masyarakat Cina, yang menurut beliau sering menimbulkan kekacauan.<sup>23</sup> Kenyataan ini memperlihatkan bagaimana naratif kolonial dibina dengan membingkai kelemahan institusi tempatan sebagai alasan untuk campur tangan British. Penekanan terhadap tema kemajuan dan pemodenan dalam karya-karya pegawai British bukan sahaja menjadi simbol dominasi ideologi kolonial, tetapi juga merupakan strategi halus diplomasi Barat dalam mengabsahkan kehadiran dan pengaruh British.<sup>24</sup> Pandangan sebegini secara langsung mencerminkan etnosentrisme Barat yang melihat masyarakat tempatan khususnya institusi pemerintahan negeri Perak sebagai lemah, tidak cekap dan memerlukan bimbingan kuasa luar bagi mencapai tahap bertamadun.

Matlamat pemerihalan peristiwa berkaitan Perjanjian Pangkor 1874 bukan sahaja bertujuan untuk menunjukkan kejayaan kolonialisme British malahan menjustifikasikan perkara tersebut dengan menonjolkan kelemahan institusi pentadbiran tempatan dari aspek pentadbiran, pembangunan ekonomi mahupun keamanan sosial. Berkaitan dengan perspektif eurosentrik ini sebenarnya tidak hanya ditampilkan di dalam penulisan pegawai Eropah sahaja malah ianya turut ditunjukkan di dalam akhbar British. Hal ini adalah bertepatan dengan tujuan mereka iaitu agar terus relevan dan dapat mengekalkan kedudukan sebagai empayar yang agung di dunia.<sup>25</sup> Buktinya, akhbar *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser* melaporkan bahawa:

*“In Perak, there was ... a Malay quarrel over the succession to the Sultanate and two factions of Chinese were fighting furiously for the possession of valuable tin mines. Both sides looked to Penang for help ... Abdullah had not sufficient resources to fight, but caused himself to be acknowledged Sultan by his own party. He appointed Raja Yusuf Raja Muda and sent him to Larut with some men to support the opponents of the Mantri. He also wrote to the Governor of the Straits ... The Mantri by himself could not re-establish order, so he took the side of one faction and attempted to starve*

*the others out... In November, 1873, Sir Andrew Clarke, the new Governor arrived... he decided that immediate action was wanted. As a result of that action the Pangkor Treaty was signed in January the following year... There were further disturbances after 1874 but Larut, like Selangor, was not affected by them...*<sup>26</sup>

Petikan ini mencerminkan bagaimana media kolonial membingkai konflik tempatan sebagai huru-hara yang tidak dapat dikawal oleh pemerintah Melayu, sekali gus membentuk persepsi bahawa campur tangan British adalah satu tindakan yang perlu dan sah. Laporan akhbar ini turut menunjukkan kecenderungan mengangkat peranan Andrew Clarke sebagai penyelamat dan pengimbang kepada kekacauan, sedangkan latar sebenar menunjukkan wujudnya persaingan kuasa dalaman yang kompleks serta pengaruh ekonomi kolonial terhadap bijih timah. Wacana sedemikian menampilkan justifikasi moral terhadap imperialisme British dengan meletakkan pihak kolonial sebagai pembawa ketenteraman dan kemajuan.

Sehubungan dengan itu, Ozay menjelaskan bahawa penciptaan gambaran negatif terhadap wilayah jajahan merupakan suatu kebiasaan dalam historiografi kolonial.<sup>27</sup> Sebagai contoh, Leonard Wray menggambarkan kekacauan yang berlaku di Larut sebagai satu tragedi besar yang membawa kemusnahan harta benda serta jumlah kematian yang tinggi.<sup>28</sup> Beliau kemudian membandingkan keadaan tersebut dengan kestabilan yang kononnya terhasil selepas campurtangan Andrew Clarke, sekali gus menonjolkan British sebagai penyelamat mutlak. Gambaran negatif ini turut disokong oleh sumber rasmi kerajaan seperti *Supplement to the F. M. S. Government Gazette* (1923), yang memperincikan keadaan di Perak sebelum campur tangan British. Dalam laporan tersebut menyatakan peristiwa kekacauan dari tahun 1872 hingga 1874 digambarkan sebagai sangat genting dan tidak terkawal sehingga memerlukan campur tangan British bagi mendamaikan konflik antara kongsi gelap Cina, Ghee Hin dan Hai San serta antara pemerintah tempatan.<sup>29</sup> Hal ini secara langsung membentuk satu naratif rasmi yang meletakkan pihak kolonial sebagai kuasa pengaman, sementara masyarakat tempatan dipersembahkan sebagai tidak berkeupayaan mentadbir secara efektif.

Kronologi konflik yang bermula sejak awal 1860-an sering kali diabaikan dalam penulisan kolonial termasuklah dalam laporan rasmi British yang hanya menumpukan kepada kekacauan pada tahun 1872 hingga 1874. Perang Larut yang berlaku sebelum 1872 sebenarnya merupakan kesinambungan kepada ketegangan antara kongsi gelap Cina yang telah lama berakar di kawasan perlombongan, namun tanpa penglibatan langsung pemerintah negeri Perak. Ketika itu, usaha mengembalikan keamanan dilakukan oleh Ngah Ibrahim selaku pentadbir tempatan yang sah. Konflik tahun 1872 hanya berbeza dari segi skala, apabila ia melibatkan sokongan kongsi gelap dari Pulau Pinang, yang merupakan kawasan pentadbiran British. Meskipun begitu, kekacauan ini digunakan oleh British sebagai bukti kegagalan pentadbiran tempatan, walhal masyarakat Cina yang terlibat adalah secara sah dianggap sebagai 'subjek' kerajaan British. Victor Purcell menyatakan secara jelas:

*"At this time most of the Chinese in Perak were regarded as British subjects since the majority claimed to come from Penang, though many of them were professional fighting men especially imported from China."*<sup>30</sup>

Kenyataan ini menyerlahkan kontradiksi dalam naratif kolonial, di mana keganasan yang dilakukan oleh subjek British dijadikan alasan untuk menyalahkan kelemahan pemerintahan Melayu dan sekaligus membuka jalan kepada campur tangan rasmi melalui Perjanjian Pangkor 1874. Penyingkiran konteks sejarah awal ini mencerminkan kecenderungan historiografi kolonial untuk menyusun naratif secara selektif demi mengabsahkan agenda imperialisme mereka.

Sehubungan itu, hal ini turut disokong melalui laporan Leonard Wray bahawa masyarakat Fui Chin (Ghee Hin) sebahagiannya merupakan subjek naturalisasi British di Negeri-Negeri Selat.<sup>31</sup> Penglibatan kongsi gelap Pulau Pinang di Larut sememangnya dapat dikaitkan berdasarkan penerangan yang diberikan oleh kedua-dua penulisan pegawai British tersebut. Maka, perkara ini secara langsung dapat menimbulkan persoalan berkenaan dengan perkaitan antara pihak British dengan kongsi gelap Ghee Hin yang bukan sekadar mengajukan petisyen terhadap kerugian yang mereka alami malah sebagai subjek British yang penting dalam ekonomi kuasa imperialis tersebut. Bahkan petisyen dan aduan yang dikemukakan oleh pedagang Cina dengan menggunakan situasi negeri Johor dan negeri-negeri utara di bawah pengaruh kekuasaan Siam bertujuan untuk memperlihatkan perbandingan situasi kekacauan yang sedang berlaku di daerah Larut.<sup>32</sup> Dalam hal ini telah menunjukkan pemaparan peristiwa Perang Larut di dalam penulisan British kurang diperincikan termasuklah mengenai penglibatan daripada pihak-pihak luar. Hal ini demikian dapat dikaitkan dengan penglibatan saudagar-saudagar di Pulau Pinang yang tidak berpuas hati terhadap kenaikan cukai bijih timah yang dikenakan ke atas mereka. Bahkan menurut Khoo Kay Kim, golongan saudagar Pulau Pinang ini merupakan dalang yang membuat aduan dan mendesak British supaya campur tangan disebabkan kepentingan perdagangan di Larut dan Perak.<sup>33</sup> Penglibatan para saudagar dari Negeri-Negeri Selat ini kerana mereka adalah pemodal syarikat melombong bijih timah bukan sahaja di Perak malah juga di Kuala Lumpur.<sup>34</sup> Maka, jelaslah bahawa perkaitan pihak kongsi gelap dengan British berserta dengan penglibatan saudagar di Negeri-Negeri Selat khususnya di Pulau Pinang turut memainkan peranan yang penting namun kurang ditonjolkan dalam penulisan pegawai British.

Secara keseluruhannya, penulisan yang dihasilkan oleh pegawai British sewajarnya ditafsirkan sebagai sebahagian daripada strategi wacana yang mendukung dan mengabsahkan dasar kolonialisme. Hal ini diperjelas melalui pandangan Ozay yang menyatakan bahawa:

*"...European actors, each in a successive manner served to justify the goal of European expansionism. It must be remembered here that this expansionism was not limited to the geographical territory of the area, but involved epistemological reconstruction, challenging the existing native intellectual constructions of history and knowledge. In particular, the latter had a very practical consequence in the sense of reshaping the colonized peoples' understanding of their place in the world."*<sup>35</sup>

Petikan ini menggariskan bahawa aktor-aktor kolonial Eropah tidak hanya terlibat dalam peluasan kuasa secara fizikal, tetapi turut melibatkan pembentukan semula sistem pengetahuan. Penulisan sejarah kolonial, termasuk oleh pegawai-pegawai British telah mencabar struktur pengetahuan masyarakat tempatan serta menggantikan naratif asal dengan tafsiran yang berpaksikan ideologi imperialis. Justeru itu, perspektif eurosentrik yang mendominasi penulisan tersebut tidak boleh dipisahkan daripada projek pemahaman kolonialisme secara keseluruhan, kerana ia berperanan dalam membentuk pemahaman masyarakat jajahan terhadap identiti, kedudukan dan sejarah mereka dalam kerangka dunia yang telah dikolonisasi.

### **Tafsiran Sarjana Barat**

Pada fasa berikutnya, kelompok sarjana Barat merupakan golongan penulis yang mengkaji peristiwa Perjanjian Pangkor 1874. Penglibatan kelompok ini dapat dikaitkan dengan perkembangan disiplin ilmu sejarah. Menurut Elton perkembangan disiplin ilmu sejarah menjadi sebuah disiplin ilmu yang sistematik, objektif dan tersusun hanya bermula pada kurun ke-19.<sup>36</sup> Fryde turut menegaskan bahawa

pensejarahan yang saintifik bermula pada penghujung kurun ke-18 dan kurun ke-19 yang digerakkan oleh ahli sejarah professional.<sup>37</sup> Namun demikian, penulisan sarjana Barat mengenai sejarah di Tanah Melayu hanya mula berkembang pada awal abad ke-20.<sup>38</sup> Dalam konteks penulisan yang memerihalkan berkenaan isu kajian ini didapati kebanyakannya dihasilkan pada kurun ke-20 dan awal kurun ke-21. Antara karya yang dirujuk dalam memahami perkembangan naratif peristiwa Perjanjian Pangkor 1874 termasuklah karya Rupert Emerson *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule* (1964), C. D. Cowan dalam *Nineteenth-Century Malaya: The Origins of British Political Control* (1961), K. G. Tregonning dalam *A History of Modern Malaya* (1964) dan “How Germany Made Malaya British” (1964) serta karya Barbara dan Leonard Andaya bertajuk *A History of Malaysia* (2001).

Karya penulisan sarjana Barat ini sedikit sebanyak telah mencabar tradisi penulisan dan historiografi yang dihasilkan oleh kelompok pegawai British. Antara perbezaan yang ketara di dalam historiografi kelompok sarjana Barat ini adalah dari segi pendekatannya yang dilihat mampu melahirkan pentafsiran yang berbeza berdasarkan kaedah yang lebih kritis dalam membentuk sebuah penulisan yang objektif. Meskipun begitu, penulisan dari kalangan sarjana Barat ini sedikit sebanyak masih mengandungi ciri dan elemen yang terdapat di dalam penulisan pegawai British. Namun demikian, perkara tersebut tidaklah dapat menafikan bahawa penulisan sarjana Barat memberikan nafas baharu dalam pentafsiran topik ini lebih-lebih lagi berkaitan dengan faktor yang membawa kepada perluasan kuasa British dan latar belakang negeri-negeri Melayu yang sedang bergolak dengan konflik dalaman pada penghujung kurun ke-19. Malah karya yang dihasilkan pada penghujung kurun ke-20 dan awal kurun ke-21 dari kelompok ini jelas menampilkan perbezaan naratif yang dibawa oleh British lebih-lebih lagi dari segi maklumat dan penerangannya.

Salah satu penulisan terawal yang mengupas peristiwa berkaitan Perjanjian Pangkor 1874 daripada sudut pandang bukan kolonial ialah karya sarjana Amerika, Rupert Emerson (1964) bertajuk *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*.<sup>39</sup> Karya ini diterbitkan seawal tahun 1937 oleh The Macmillan Company dan telah mencetuskan polemik kerana secara terang-terangan mengkritik dasar kolonial British yang menurutnya lebih menguntungkan pihak penjajah berbanding manfaat kepada masyarakat peribumi. Pandangan ini berlawanan dengan naratif dominan kolonial yang menekankan misi pemodenan dan pentamadunan. Kritikan Emerson telah menerima reaksi keras daripada tokoh-tokoh kolonial termasuk Frank Swettenham yang tidak bersetuju dengan tajuk dan kandungan karya tersebut.<sup>40</sup> Sebuah laporan akhbar turut merekodkan pandangan William Peel, bekas Ketua Setiausaha Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, yang menyifatkan karya Emerson sebagai bias dan tidak adil terhadap pencapaian British di Tanah Melayu.<sup>41</sup> Reaksi defensif ini mencerminkan betapa kuatnya pegangan eurosentrik dalam kalangan elit kolonial yang sentiasa cuba mempertahankan tindakan penjajahan mereka.<sup>42</sup> Hal ini jelas selari dengan pandangan Ishak Saat, yang menyatakan bahawa pihak kolonial seringkali menggambarkan dasar-dasar mereka sebagai bertujuan memajukan masyarakat Melayu, walaupun realitinya kaum peribumi terus terpinggir dan ketinggalan berbanding kaum imigran lain.<sup>43</sup> Oleh itu, penulisan Emerson jelas bertentangan dengan wacana kolonial yang membingkai penjajahan sebagai satu keperluan pembangunan, dan sebaliknya melihat penjajahan sebagai bentuk eksploitasi yang bersifat sepihak.

Kronologi yang membawa kepada termeterainya Perjanjian Pangkor 1874 sering dikaitkan dengan desakan yang datang daripada komuniti buruh Cina, khususnya dalam konteks kekacauan yang berlaku akibat konflik antara kongsi gelap Ghee Hin dan Hai San di daerah Larut. Meskipun Rupert Emerson tidak memberikan huraian yang mendalam berkenaan konflik buruh Cina dalam karyanya *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule* (1964), beliau tetap mengiktiraf bahawa kehadiran buruh Cina merupakan antara faktor utama yang memburukkan lagi keadaan sosiopolitik di Perak yang sedang bergelut dengan konflik dalaman.<sup>44</sup> Penekanan terhadap unsur ini dapat dilihat sebagai kesinambungan kepada naratif kolonial yang dibentuk oleh pegawai-pegawai British seperti

Frank Swettenham, yang menggambarkan situasi di Larut sebagai tidak terkawal akibat kelemahan institusi tempatan serta kekacauan yang dicituskan oleh orang Cina. Pandangan G. P. Dartford, seorang pegawai kolonial yang turut menghasilkan penulisan sejarah juga menyokong naratif ini. Beliau menyatakan secara ringkas bahawa sebab utama campur tangan British ialah konflik bersenjata antara kumpulan Cina, bukan semata-mata perebutan takhta dalam kalangan bangsawan Melayu.<sup>45</sup>

Peristiwa kekacauan dan termeterainya Perjanjian Pangkor 1874 yang dipaparkan oleh Emerson terlihat masih terikat dengan naratif daripada penulisan para pegawai British. Perkara ini dapat ditunjukkan melalui petikan daripada karya pegawai British khususnya pandangan Swettenham yang menggambarkan keadaan Larut tidak dapat ditangani disebabkan oleh perebutan takhta antara tiga orang pemerintah di Perak.<sup>46</sup> Dengan kata lain, analisis Emerson turut mencerminkan sudut pandang kolonial yang dipengaruhi oleh unsur eurosentrik. Perkara ini dapatlah diteliti melalui pengakuannya sendiri, bahawa pendekatan historiografi beliau banyak bersandar kepada buku, rekod rasmi dan pengamatannya terhadap Tanah Melayu.<sup>47</sup> Hal ini secara tidak langsung akan menonjolkan unsur bias daripada perspektif eurosentrik. Namun demikian, karya Emerson tetap menampilkan sedikit perbezaan berbanding penulisan pegawai kolonial sebelumnya terutamanya apabila beliau tidak sepenuhnya menyalahkan kelemahan institusi tradisional Melayu sebagai punca utama konflik. Sebaliknya, turut mengambil kira faktor sosioekonomi seperti eksploitasi bijih timah yang menjadi pemangkin kepada ketidakstabilan. Selain itu, misi kolonialisme British yang digambarkan sebagai usaha pemodenan turut dipersoalkan dari segi keberkesanannya terhadap masyarakat peribumi. Ringkasnya, karya Emerson menampilkan satu bentuk naratif pertengahan antara penulisan kolonial dan analisis akademik moden. Walaupun masih mengandungi unsur bias eurosentrik, beliau cuba menilai peristiwa berkaitan dengan Perjanjian Pangkor dalam konteks yang lebih luas tanpa hanya memberikan tumpuan kepada kegagalan sistem pemerintahan tempatan.

Seterusnya, karya Barbara Andaya & Leonard Andaya, *A History of Malaysia* (ed. kedua, 2001) adalah sejalan dengan pandangan kritikal Rupert Emerson terhadap kolonialisme British. Penulisan ini menekankan bahawa hubungan Tanah Melayu dengan British selepas termeterainya Perjanjian Pangkor 1874 lebih banyak memberikan kelebihan kepada pihak kolonial, khususnya dari segi kawalan politik dan eksploitasi ekonomi.<sup>48</sup> Kemasukan besar-besaran imigran Cina turut dikritik sebagai faktor yang memberi impak negatif terhadap masyarakat peribumi, sekaligus mengubah landskap sosial dan politik negeri-negeri Melayu. Walau bagaimanapun, karya ini masih memperlihatkan unsur-unsur pengaruh naratif kolonial, khususnya apabila tidak memberikan penjelasan terperinci tentang tindakan Ngah Ibrahim yang beralih sokongan daripada Hai San kepada Ghee Hin pada tahun 1872, merupakan satu perkembangan penting yang memberi kesan langsung kepada ketegangan yang membawa kepada campur tangan British.<sup>49</sup> Menariknya, pandangan Andaya secara jujur mengakui bahawa mereka menulis dari sudut pandang pengkaji luar, secara tidak langsung mengisytiharkan kemungkinan berlakunya pengaruh nilai-nilai Barat dalam pembentukan perspektif dan tafsiran sejarah mereka.<sup>50</sup> Maka, meskipun karya ini cuba untuk bersikap kritikal terhadap warisan kolonial, ia juga mencerminkan sisa-sisa eurosentrik. Namun begitu, ia memperlihatkan usaha untuk keluar daripada kerangka naratif kolonial secara total, melalui penekanan terhadap kompleksiti politik tempatan dan kesan sosial penjajahan yang lebih mendalam.

Akhir sekali, karya K. G. Tregonning *A History of Modern Malaya* (1964) turut memperlihatkan satu pendekatan penulisan yang berbeza daripada naratif pegawai kolonial, khususnya dari segi penekanan terhadap perubahan dasar British di Tanah Melayu.<sup>51</sup> Walaupun Tregonning turut membincangkan peristiwa Perang Larut dan perebutan takhta di Perak, beliau memberikan tumpuan yang lebih mendalam terhadap faktor geopolitik sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi keputusan British untuk terlibat secara langsung dalam hal ehwal negeri-negeri Melayu. Menurut Tregonning, kebimbangan terhadap peluasan kuasa imperialis Barat ke rantau

ini yang juga merupakan laluan perdagangan untuk ke China telah memberikan pengaruh dalam perubahan dasar dan polisi British.<sup>52</sup> Sebagai contoh, kebimbangan terhadap kehadiran Perancis di Indo China, Belanda di Sumatera dan Jerman secara khusus dilihat semakin aktif selepas penyatuan negara tersebut menunjukkan ketertarikannya terhadap Tanah Melayu.<sup>53</sup> Hal ini turut diperkukuhkan lagi melalui pandangan Dartford yang melihat bahawa perubahan dasar British kepada dasar campuran merupakan tindak balas ke atas perluasan kuasa imperialis Barat yang lain ke wilayah Timur.<sup>54</sup> Lebih menarik, dalam penulisan Tregonning yang lain bertajuk “How Germany Made Malaya British” menegaskan bahawa faktor kebimbangan terhadap Jerman memainkan peranan penting dalam mempercepatkan keputusan British untuk mengukuhkan pengaruh mereka di Tanah Melayu.<sup>55</sup> Bahkan dalam karyanya *A History of Modern Malaya* dibincangkan secara ringkas mengenai keadaan di Eropah memperlihatkan kemunculan Jerman di bawah Bismarck sebagai kuasa yang mengejutkan setelah mengalahkan Perancis pada tahun 1870-an.<sup>56</sup> Ringkasnya, analisis Tregonning memberikan dimensi geopolitik yang lebih luas dalam memahami peristiwa yang berkait rapat dengan Perjanjian Pangkor 1874, sekali gus memperlihatkan bahawa perubahan dasar British tidak boleh ditanggapi hanya dari sudut konflik dalaman atau kelemahan institusi tempatan semata-mata. Sebaliknya, ia merupakan sebahagian daripada strategi imperialisme yang lebih menyeluruh bagi mengekang pengaruh kuasa-kuasa imperialis lain daripada bertapak di kawasan yang dianggap berkepentingan kepada British.

Walaupun demikian, perlu ditegaskan bahawa kebimbangan British terhadap pengaruh kuasa-kuasa imperialis lain, terutamanya Jerman di bawah kepimpinan Otto von Bismarck selepas penyatuan Jerman pada tahun 1870-an, pada hakikatnya lebih merupakan satu bentuk prasangka atau persepsi strategik pihak British sendiri yang timbul daripada ketidaktentuan politik di benua Eropah pada akhir abad ke-19.<sup>57</sup> Perincian ini sukar untuk ditemui di dalam penulisan pihak kolonial berkenaan dengan kebimbangan British terhadap pengaruh kuasa-kuasa imperialis lain sebagai faktor campurtangan di negeri-negeri Melayu. Sebaliknya, justifikasi yang diberikan oleh pegawai-pegawai kolonial dalam penulisan mereka berkisar kepada naratif kelemahan institusi pentadbiran tempatan, ketidakmampuan pemerintah Melayu mengurus konflik dalaman, serta ketidakstabilan akibat pergaduhan kongsi gelap Cina di Larut. Naratif tersebut sering diguna pakai untuk mewajarkan tindakan British sebagai penyelesai konflik dan pelindung kepada kepentingan perdagangan dan keselamatan di Selat Melaka, tanpa menyentuh secara langsung kebimbangan strategik yang lebih luas terhadap kuasa-kuasa imperialis Barat lain. Perbezaan ini jelas memperlihatkan bahawa wacana kolonial yang dikemukakan dalam dokumen rasmi dan penulisan pegawai British cenderung bersifat utilitarian dan berfokus kepada alasan-alasan lokal manakala pertimbangan geopolitik lebih kerap terakam dalam penulisan akademik pascakolonial yang mengkaji semula motivasi sebenar di sebalik perubahan dasar British.

Secara keseluruhannya, penilaian terhadap hasil penulisan sarjana Barat yang muncul selepas era pegawai kolonial British menunjukkan wujudnya dua sisi pendekatan yang berbeza dalam menafsir dan menulis sejarah Tanah Melayu, khususnya peristiwa yang berkaitan dengan Perjanjian Pangkor 1874. Dari satu sisi, terdapat kesinambungan perspektif kolonial yang masih diteruskan, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Di sisi yang lain, muncul usaha baharu oleh segelintir sarjana Barat untuk bersikap lebih objektif dan kritikal dalam menilai peristiwa sejarah yang selama ini didominasi oleh wacana kolonial. Perkembangan ini mencerminkan peralihan pendekatan dalam historiografi melalui karya-karya seperti yang ditulis oleh Emerson, Tregonning, Cowan dan Andaya bukan sekadar mengulangi naratif kolonial. Sebaliknya berusaha memberikan penjelasan yang lebih menyeluruh berasaskan sumber-sumber tambahan dan pendekatan akademik moden. Perbezaan yang jelas antara penulisan sarjana Barat dan catatan pegawai kolonial dapat dilihat daripada bentuk sumber yang dirujuk dan sudut pandang yang diketengahkan. Pegawai kolonial lazimnya menulis

berdasarkan pengalaman peribadi mereka bagi tujuan pentadbiran, manakala sarjana Barat cenderung merujuk kepada dokumen rasmi, laporan diplomatik dan analisis retrospektif yang lebih sistematik. Hal ini sekali gus menunjukkan kesedaran dalam kalangan sarjana Barat terhadap kemungkinan bias atau ketidakobjektifan yang terkandung dalam catatan kolonial.<sup>58</sup>

Tambahan pula, latar belakang akademik dan konteks penulisan sarjana Barat yang berbeza daripada pegawai kolonial menjadikan tafsiran mereka lebih terbuka kepada pendekatan pelbagai dimensi. Justeru itu, tafsiran mereka terhadap peristiwa berkaitan Perjanjian Pangkor bukan sekadar menjelaskan sebab-musabab yang bersifat lokal seperti kelemahan pentadbiran tempatan atau perang saudara antara kongsi gelap Cina, tetapi turut mempertimbangkan faktor luaran seperti persaingan kuasa imperialis dan perubahan dasar global British pada abad ke-19. Ringkasnya, peralihan daripada penulisan pegawai kolonial kepada penulisan sarjana Barat telah membuka ruang kepada pelbagai interpretasi baharu dalam wacana sejarah Tanah Melayu. Perkembangan ini kemudiannya membuka jalan kepada kemunculan penulisan sarjana tempatan yang lebih kritikal, kontekstual dan berusaha untuk menampilkan suara dan pengalaman masyarakat peribumi yang selama ini terpinggir dalam naratif kolonial.

### **Tafsiran Sarjana Tempatan**

Kesan langsung daripada penulisan pegawai British dan sarjana Barat telah menjadi pemangkin penting kepada perkembangan historiografi tempatan termasuklah dalam pentafsiran peristiwa-peristiwa berkaitan dengan Perjanjian Pangkor 1874. Penulisan tersebut, sama ada secara langsung atau tidak telah membentuk satu rangsangan intelektual yang mencetuskan tindak balas ilmiah dalam kalangan sarjana tempatan, khususnya melalui peranan institusi pendidikan tinggi. Perkembangan ini dapat dilihat dengan jelas melalui sumbangan Universiti Malaya, yang sejak awal penubuhannya telah memainkan peranan penting dalam membina kerangka akademik sejarah di Malaysia.<sup>59</sup> Institusi ini menjadi platform utama kepada kemunculan sejarawan tempatan yang mula mengkaji sejarah tanah air dari sudut pandang yang lebih kontekstual dan berakar pada pengalaman masyarakat peribumi, bukan semata-mata berdasarkan naratif kolonial. Walaupun Mohd Yusof Ibrahim menyatakan bahawa perkembangan awal historiografi tempatan telah bermula seawal dekad 1920-an, beliau turut mengakui bahawa fasa yang lebih mantap berlaku pada dekad 1950-an.<sup>60</sup> Pada ketika itu, pensejarahan Melayu berkembang bukan sahaja dari segi kuantiti penerbitan malah juga dari segi kualiti analisis dan metodologi. Ini menandakan berlakunya suatu peralihan yang signifikan dalam pendekatan terhadap penulisan sejarah daripada naratif kolonial kepada satu usaha intelektual yang lebih berorientasikan naratif tempatan. Sehubungan itu, dalam menilai pentafsiran Perjanjian Pangkor 1874 dari sudut pandang sarjana tempatan, kajian ini akan memberi keutamaan kepada karya-karya yang diterbitkan dalam lingkungan penghujung abad ke-20 dan awal abad ke-21. Pemilihan tempoh ini adalah penting kerana ia mencerminkan kematangan pensejarahan tempatan yang lebih tersusun, reflektif dan bebas daripada dominasi epistemologi kolonial. Karya pada era ini turut menampilkan pendekatan interdisiplin dan kritikal yang lebih seimbang, serta menggunakan sumber yang lebih pelbagai termasuklah sumber lisan dan surat-menyurat sebagai usaha merangka sejarah dari perspektif tempatan.

Kajian historiografi yang menyentuh topik-topik utama seperti Perang Larut, perebutan takhta di Perak dan termeterainya Perjanjian Pangkor 1874 tidak terkecuali menjadi subjek penting dalam wacana sarjana tempatan. Walaupun perkembangan penulisan sejarah ini berlaku sedikit lewat, yakni beberapa tahun selepas negara mencapai kemerdekaan, namun peralihan tersebut mula menunjukkan arah yang lebih jelas pada dekad 1960-an dan semakin ketara pada tahun 1970-an. Kewujudan jabatan sejarah di institusi pengajian tinggi seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan

Universiti Sains Malaysia telah memberi dorongan besar terhadap pementapan disiplin sejarah tempatan.<sup>61</sup> Perkembangan ini menandakan kemunculan fasa baharu dalam penulisan sejarah yang lebih sistematik, bersifat akademik dan berpaksikan kajian sumber tempatan. Lebih penting lagi, ia juga memperlihatkan kemunculan wacana kritikal terhadap naratif sejarah yang selama ini dibentuk oleh orientasi kolonial dan perspektif eurosentrik.

Dalam konteks ini, mengenai keperluan untuk membina kerangka historiografi yang lebih bersentrikan tempatan mula mendapat tempat dalam kalangan ahli sejarah pada 1960-an.<sup>62</sup> Isu ini seiring dengan perkembangan historiografi global, khususnya dalam kalangan sarjana Barat pascakolonial yang mula mempertikaikan legitimasi naratif Barat terhadap sejarah Asia dan Asia Tenggara. Pandangan awal yang menyokong keperluan ini turut diutarakan oleh K. G. Tregonning, yang ketika itu merupakan Pensyarah Kanan di Universiti Malaya di Singapura. Dalam ucapannya pada penghujung tahun 1958, beliau menekankan perlunya satu perspektif historiografi baharu yang lebih berpaksikan pengalaman dan sudut pandang tempatan untuk menggantikan pendekatan Eurosentrik yang semakin tidak relevan dalam konteks pascakolonial.<sup>63</sup> Pandangan Tregonning ini penting kerana ia bukan sahaja mencerminkan kesedaran dalam kalangan sarjana Barat terhadap batasan naratif kolonial, tetapi juga seiring dengan gerakan intelektual yang lebih luas ke arah dekolonisasi ilmu, termasuk dalam bidang sejarah. Fasa ini memperlihatkan kecenderungan yang semakin kuat dalam kalangan sarjana, baik dari luar mahupun dalam negara untuk menolak pendekatan tunggal yang selama ini mendominasi naratif sejarah Asia Tenggara.<sup>64</sup> Dalam konteks Malaysia, ia telah membuka ruang kepada penulisan sejarah yang lebih berimbang, dengan menumpukan kepada suara dan sumber tempatan, serta memberi perhatian kepada dinamika dalaman yang selama ini terpinggir dalam historiografi kolonial.

Sehubungan itu, penglibatan sarjana Barat dalam perkembangan disiplin sejarah di Malaysia pada penghujung kurun ke-20 memainkan peranan yang penting, terutamanya melalui kedudukan mereka sebagai tenaga pengajar di institusi pengajian tempatan. Selain mengajar, mereka turut melatih generasi awal mahasiswa tempatan agar menghasilkan penulisan sejarah yang lebih berasaskan konteks tempatan, sekali gus memperkayakan wacana sejarah negara.<sup>65</sup> Impaknya, tradisi pensejarahan Malaysia terus berkembang dengan pendekatan yang semakin kritikal dan mendalam serta mencakupi pelbagai aspek yang sebelum ini kurang diberi perhatian. Dalam konteks insiden yang berlaku di daerah Larut misalnya, pendekatan pasca-merdeka tidak lagi terhad kepada naratif konvensional seperti Perang Larut atau Perjanjian Pangkor semata-mata. Sebaliknya, kajian terkini telah memperluas skop analisis kepada tokoh-tokoh yang terlibat, peranan institusi tempatan seperti pentadbiran Ngah Ibrahim, serta penilaian semula terhadap struktur dan peranan kongsi gelap seperti Ghee Hin dan Hai San. Ringkasnya, penulisan sejarah oleh sarjana tempatan selepas kemerdekaan bukan sekadar mempersembahkan perspektif tempatan, tetapi juga mencerminkan usaha ke arah penghasilan kajian yang lebih teliti, kritikal dan bersifat inklusif terhadap pelbagai lapisan sejarah yang sebelum ini terpinggir dalam penulisan kolonial.

Salah satu karya tersebut adalah karya Azmi Arifin bertajuk “Perak Disturbances 1871-75: British Colonialism, The Chinese Secret Societies and the Malay Rulers,” meletakkan matlamat untuk melakukan pentafsiran semula berkaitan dengan faktor campurtangan British ke atas daerah Larut.<sup>66</sup> Kajian ini membawa pendekatan yang berbeza dengan menumpukan kepada wujudnya aktor-aktor berkepentingan yang bertindak sebagai ‘*hidden hand*’ dalam mencetuskan situasi yang membolehkan pengaruh British dibawa masuk secara sah melalui Perjanjian Pangkor. Kajian ini memberi penekanan khusus terhadap peranan individu seperti Tan Kim Cheng dan W. H. Read yang merupakan ahli perniagaan yang dikatakan terlibat secara langsung dalam mempengaruhi keputusan dan mengatur pelantikan sultan. Perbincangan terhadap individu tersebut lebih teliti berbanding perincian dari sarjana Barat seperti Barbara dan Leonard Andaya di dalam *A History of Malaysia*<sup>67</sup>

mahupun karya Cowan yang bertajuk *Nineteenth-Century Malaya: The Origins of British Political Control*.<sup>68</sup> Malah kajian ini juga membincangkan proses penggantian Sultan Ali, termasuk bagaimana Raja Ismail diterima tanpa sebarang konflik terbuka dalam kalangan elit pentadbiran Perak sendiri.<sup>69</sup> Azmi juga menolak hujah yang sering dikemukakan dalam penulisan kolonial bahawa konflik perebutan takhta merupakan punca utama kekacauan di Larut. Sebaliknya, beliau menegaskan bahawa faktor sebenar adalah perancangan pihak-pihak tertentu yang mempunyai agenda ekonomi dan politik untuk membuka ruang campur tangan British secara rasmi. Secara tidak langsung, karya ini membetulkan naratif terdahulu yang meletakkan kegagalan institusi tradisional Melayu sebagai punca utama ketegangan di negeri Perak.

Tambahan pula, penulisan sarjana tempatan turut memainkan peranan penting dalam menilai semula persepsi negatif terhadap pemerintah tempatan yang sebelum ini dibentuk dalam naratif British. Penulisan Abdullah Abdul Hamid bertajuk *Ngah Ibrahim: Jutawan Melayu Abad ke-19*, bukan sahaja memberikan latar belakang terperinci mengenai Ngah Ibrahim sebagai pemerintah Larut, tetapi turut mengemukakan hujah yang membela tindakan dan keputusan politiknya sepanjang tempoh kekacauan yang berlaku sehingga termeterainya Perjanjian Pangkor 1874.<sup>70</sup> Melalui karya ini memperlihatkan bahawa tindakan Ngah Ibrahim sewajarnya dinilai dalam konteks peranan bergandanya sebagai seorang pemerintah tempatan dan juga ahli perniagaan yang terlibat secara langsung dalam aktiviti ekonomi perlombongan bijih timah. Kekacauan yang dicetuskan oleh konflik antara dua kongsi gelap utama di Larut, iaitu Ghee Hin dan Hai San, bukan sahaja menjejaskan kestabilan politik, malah turut mengancam kepentingan ekonomi Ngah Ibrahim. Oleh itu, tindakannya untuk beralih sokongan antara kedua-dua kongsi gelap tersebut tidak boleh semata-mata ditafsirkan sebagai bukti kelemahan kepimpinan, sebaliknya sebagai satu strategi yang rasional demi mengekalkan pengaruh ekonomi dan keselamatan wilayah Larut.<sup>71</sup> Tindakan peralihan sokongan Ngah Ibrahim antara kedua kongsi gelap ini dapat dikaitkan dengan matlamat perniagaan, keuntungan dan keselamatan.<sup>72</sup> Pendekatan ini turut disokong oleh Mahani Musa, yang menganalisis mengenai hubungan antara Ngah Ibrahim dan organisasi kongsi gelap Cina menyatakan bahawa:

“Tindakan memihak kepada kongsi gelap Cina sebenarnya mudah difahami. Ngah Ibrahim melihat perang antara kongsi gelap Cina di Larut sebagai peluang untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi dan politik dengan memihak kepada kumpulan yang dijangkakan menang. Dalam keadaan jumlah penduduk Melayu yang sedikit, Ngah Ibrahim sebenarnya tidak mempunyai pilihan untuk mencari teras kekuatannya melainkan berpihak kepada kongsi gelap Cina yang dilihat kuat.”<sup>73</sup>

Pandangan ini secara langsung mencabar naratif kolonial yang menggambarkan Ngah Ibrahim sebagai tokoh lemah, oportunis atau tidak berkeupayaan mengawal situasi. Sebaliknya, wacana baharu ini melihat beliau sebagai seorang tokoh yang pragmatik, yang terpaksa membuat keputusan politik yang kompleks dalam persekitaran yang penuh dengan tekanan luar dan dalaman. Justeru, penulisan Abdullah Abdul Hamid dan Mahani Musa ini memperlihatkan usaha serius dalam kalangan sarjana tempatan untuk menilai semula tokoh-tokoh sejarah Melayu, serta memberi penekanan kepada konteks setempat dan strategi yang diambil oleh pemimpin tempatan dalam menghadapi realiti penjajahan dan konflik pelbagai kaum di Tanah Melayu abad ke-19.

Dengan kata lain, tindakan Ngah Ibrahim yang kelihatan berubah-ubah dalam menyatakan sokongan kepada pihak yang bertelagah, sama ada Hai San mahupun Ghee Hin, sewajarnya difahami sebagai usaha strategik beliau untuk menamatkan kekacauan berpanjangan yang telah melanda daerah Larut sejak awal dekad 1860-an. Sebagai contoh, setelah kumpulan Hai San dikalahkan oleh Ghee Hin dalam pertempuran tahun 1872, Ngah Ibrahim bertindak memindahkan ahli-ahli Hai San ke Pulau

Pinang atas perbelanjaannya sendiri dan seterusnya menyatakan sokongan kepada pihak Ghee Hin. Perkara ini konsisten dengan tindakan beliau pada awal siri konflik, iaitu pada tahun 1862, apabila beliau menyebelahi Hai San dalam fasa awal Perang Larut.<sup>74</sup> Jika diteliti dari perspektif yang lebih luas, tindakan Ngah Ibrahim ini sebenarnya menyerupai pendekatan yang diambil oleh pihak British, yang juga menggunakan justifikasi ‘mengembalikan keamanan dan ketenteraman’ sebagai alasan untuk campur tangan di Perak. Ironinya, walaupun Ngah Ibrahim dan British mengambil langkah memihak dalam konflik kongsi gelap demi kestabilan, namun naratif yang dibentuk dalam penulisan pegawai British seperti McNair, Swettenham dan Wray lebih menonjolkan tindakan British sebagai munasabah dan sah, manakala tindakan Ngah Ibrahim digambarkan dengan konotasi negatif, seolah-olah mencerminkan kelemahan atau kepentingan peribadi.<sup>75</sup> Kritikan terhadap sikap berat sebelah ini dapat dilihat dalam beberapa bukti lain. Misalnya, pada peringkat awal konflik, pihak British turut memihak kepada Ghee Hin, termasuk dengan menerima tuntutan ganti rugi yang dikemukakan oleh kumpulan tersebut serta terlibat secara langsung dalam usaha menyelesaikan krisis yang dianggap sebagai perang saudara dalam kalangan masyarakat Cina.<sup>76</sup> Oleh itu, jelas berlaku ketidakseimbangan naratif apabila tindakan British dirasionalisasikan sebagai wajar, manakala tindakan Ngah Ibrahim ditafsirkan sebagai tidak stabil atau tidak berkepimpinan. Penilaian yang lebih adil terhadap tindakan Ngah Ibrahim dapat diperkuat melalui perincian Victor Purcell yang menyatakan:

*“...the Mentri evacuated the defeated Hai Sans to Penang at his own expense... and made overtures to the victorious Ghee Hins. At the same time he addressed the Governor of the Straits Settlements, Sir Harry Ord, explaining what had happened. The dispossessed Hai San also made a report to him just as the dispossessed Ghee Hin had done in 1862.”<sup>77</sup>*

Petikan ini secara tidak langsung mengakui bahawa tindakan Ngah Ibrahim untuk menyokong Ghee Hin selepas kekalahan Hai San bukanlah berpunca daripada kepentingan peribadi, tetapi merupakan satu pertimbangan politik yang rasional demi mengekalkan keamanan dan kestabilan di Larut. Langkah ini, seperti yang dinyatakan oleh Purcell, turut melibatkan usaha diplomatik ke arah penyelesaian konflik, termasuk penglibatan dengan pihak British melalui komunikasi rasmi dengan Gabenor Negeri-Negeri Selat. Oleh itu, jelas bahawa tindakan Ngah Ibrahim dalam beralih sokongan tidak boleh ditafsirkan sebagai tindakan politik yang tidak konsisten dan lemah. Sebaliknya, ia adalah strategi yang selari dengan matlamat pihak British sendiri, iaitu untuk mengembalikan kestabilan agar kegiatan ekonomi, terutamanya perlombongan bijih timah dapat diteruskan dengan aman. Justeru itu, tafsiran negatif terhadap tindakan beliau, seperti yang terkandung dalam penulisan pegawai kolonial, haruslah dinilai semula dalam kerangka yang lebih objektif dan bersifat pascakolonial.

Berdasarkan penelitian terhadap karya-karya yang dihasilkan oleh sarjana tempatan, jelas wujud perbezaan yang signifikan dari segi pendekatan dan kerangka pentafsiran, khususnya apabila isu-isu sejarah dikaji menerusi lensa tempatan yang bersifat Malaysia-sentrik. Pendekatan ini bertujuan untuk menanggapi, serta menyeimbangkan pandangan sejarah yang sebelum ini banyak dipengaruhi oleh penulisan pegawai kolonial British, yang lazimnya bersifat eurosentrik dan sering kali membentuk kerangka awal pemikiran dalam kalangan sarjana Barat. Menariknya, meskipun para sarjana tempatan berusaha untuk membina naratif alternatif yang lebih berteraskan pengalaman dan suara peribumi, mereka tidak sepenuhnya menolak penulisan Barat atau sumber kolonial. Sebaliknya, karya-karya tersebut sering dirujuk secara teliti dan digunakan sebagai bahan perbandingan atau sumber sokongan yang penting.<sup>78</sup> Hal ini memperlihatkan satu bentuk keterbukaan intelektual dan profesionalisme akademik, di mana sumber kolonial digunakan secara kritis dan selektif untuk menguji semula kesahihan naratif yang dibawa. Pendekatan ini secara tidak langsung memperkukuhkan tradisi

keilmuan yang berteraskan prinsip verifikasi, triangulasi sumber dan pentafsiran semula. Sejarahwan tempatan tidak hanya bergantung kepada sumber kolonial tetapi turut memanfaatkan pelbagai jenis sumber alternatif seperti akhbar, surat-surat rasmi dan tradisi lisan bagi memperluas horizon naratif. Hal ini turut ditegaskan oleh Abdul Rahman Haji Ismail dan Azmi Arifin yang menyatakan bahawa:

“Halangan kepada usaha melahirkan pentafsiran sejarah yang kukuh adalah disebabkan oleh pergantungan yang begitu kuat kepada sumber-sumber dan tradisi penulisan zaman kolonial, yang menggambarkan tentang corak perjuangan dan nasionalisme tempatan. Akibatnya, salah faham sentiasa wujud tentang perkembangan sejarah sebenar yang berlaku. Hal ini kerana pemaparan sejarah dalam perspektif kolonial terlalu kabur dan umumnya terlalu menekankan aspek-aspek negatif tentang perjuangan masyarakat tempatan.”<sup>79</sup>

Petikan ini meskipun secara khusus memfokuskan berkenaan dengan isu yang berbeza namun ianya menjelaskan cabaran epistemologikal yang dihadapi oleh sejarahwan tempatan, terutamanya apabila wacana sejarah masih didominasi oleh perspektif luar yang sering kali mengabaikan konteks lokal dan kepentingan agensi peribumi. Justeru, usaha membina historiografi pascakolonial di Malaysia semakin bergerak ke arah yang lebih progresif, yakni melalui proses dekolonisasi naratif dan penulisan semula sejarah yang lebih adil, seimbang, dan berpaksikan pengalaman masyarakat tempatan.

Oleh itu, pendekatan yang diambil oleh para sarjana tempatan dalam menganalisis dan menilai semula karya-karya kolonial wajar dilihat sebagai satu usaha intelektual yang sah dan bukannya semata-mata reaksi bersifat emosi terhadap dominasi naratif British. Perkembangan historiografi tempatan pascakolonial ini memperlihatkan kemunculan satu paradigma baharu yang berteraskan perspektif Malaysia-sentrik, iaitu pendekatan yang lebih dekat dengan realiti sejarah, pengalaman sosial dan struktur budaya masyarakat tempatan. Sekilas pandang, pendekatan ini mungkin tampak cenderung kepada bias nasional. Namun pada hakikatnya, ia merupakan satu bentuk wacana tandingan yang sah terhadap penulisan kolonial yang lazimnya bersifat selektif, tidak lengkap, dan kadangkala berat sebelah dalam menggambarkan tokoh serta institusi tempatan. Dalam konteks ini, paradigma Malaysia-sentrik tidak dipacu oleh sentimen nasional semata-mata, sebaliknya berasaskan analisis ilmiah yang bertujuan untuk memperbetulkan fakta yang tersasar, memperincikan peristiwa yang dikaburkan, serta mengisi kelompongan dalam naratif kolonial. Lebih daripada itu, pendekatan ini membawa dimensi yang lebih luas daripada sekadar penilaian fakta sejarah. Ia juga melibatkan usaha pembinaan semula jati diri nasional dan naratif kebangsaan, dengan matlamat untuk mengangkat martabat bangsa serta memupuk semangat patriotisme dalam kalangan generasi baharu.<sup>80</sup> Proses ini bukan sahaja penting dalam konteks pendidikan sejarah, malah menjadi asas kepada dekolonisasi minda dan penyusunan semula kerangka pemikiran sejarah yang lebih seimbang dan inklusif. Maka, dapat disimpulkan bahawa penilaian semula naratif kolonial bukan terhad kepada peristiwa seperti Perjanjian Pangkor 1874 semata-mata. Sebaliknya, ia melibatkan pelbagai aspek sejarah nasional yang lebih luas. Usaha yang digerakkan oleh sarjana tempatan ini telah menyumbang secara signifikan ke arah pengimbangan semula naratif sejarah Malaysia, melalui analisis yang lebih kritis, menyeluruh, dan kontekstual. Ini sekali gus menzahirkan kematangan intelektual dan perkembangan positif dalam bidang historiografi negara. Ringkasnya, perkembangan tafsiran sejarah oleh tiga kelompok utama iaitu pegawai British, sarjana Barat, dan sarjana tempatan adalah saling berkait antara satu sama lain walaupun berbeza dari segi pendekatan, kerangka epistemologi dan matlamat. Hubungan ini dapat diperincikan menerusi hakikat bahawa perspektif eurosentrik yang mendominasi penulisan kolonial British telah mencetuskan keperluan untuk membina satu alternatif tafsiran yang lebih berpaksikan Malaysia-sentrik. Pendekatan ini bertujuan mengembalikan naratif sejarah kepada masyarakat

tempatan serta memberi penilaian yang lebih adil terhadap pelaku sejarah. Selain itu, kecenderungan sarjana Barat dan tempatan untuk melakukan analisis yang lebih kritis terhadap fakta dan tokoh dalam sejarah Larut juga bertitik tolak daripada naratif ringkas dan selektif yang dikemukakan oleh pegawai British. Banyak daripada naratif awal ini membentuk persepsi negatif yang cenderung menghukum tanpa pertimbangan yang kontekstual dan adil. Justeru itu, usaha sarjana pascakolonial untuk menilai semula tindakan tokoh seperti Ngah Ibrahim atau konflik kongsi gelap Cina adalah sebahagian daripada proses ilmiah yang sah untuk mengimbangi ketidakseimbangan naratif kolonial. Dari segi penggunaan sumber pula, dapat diperhatikan bahawa kedua-dua sarjana Barat dan tempatan bukan sekadar merujuk dokumen kolonial untuk menyusun kronologi peristiwa. Sebaliknya, mereka turut menggunakan sumber tersebut secara kritikal, menganalisis aspek-aspek yang terpinggir atau tidak dijelaskan dalam naratif asal. Walaupun pegawai kolonial merupakan saksi mata kepada peristiwa yang berlaku, penulisan mereka selalunya terbatas kepada laporan rasmi dan tidak menggambarkan dengan mendalam proses perbincangan dalaman atau pertimbangan politik di peringkat tertinggi pentadbiran British. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa perkembangan tafsiran oleh ketiga-tiga kelompok penulis ini mencerminkan satu kesinambungan yang kompleks tetapi signifikan dalam tradisi historiografi berkaitan peristiwa yang berlaku di Larut. Masing-masing menyumbang dengan pendekatan dan kerangka tersendiri, namun saling melengkapi dalam usaha memperhalus dan memperkayakan pemahaman sejarah yang lebih seimbang, adil dan bersifat inklusif.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, perkembangan historiografi tempatan bukan sahaja berlaku dalam konteks sejarah nasional secara umum, malah turut meresap masuk ke dalam peringkat mikro seperti historiografi daerah Larut. Tradisi penulisan yang diasaskan oleh pegawai British, diikuti oleh kemunculan pelbagai aliran pemikiran dalam kalangan sarjana Barat, telah membentuk asas kepada naratif sejarah awal. Namun begitu, tempoh pasca-kemerdekaan telah menjadi titik kemuncak kepada perkembangan disiplin ilmu ini, apabila sarjana tempatan mula tampil dengan pendekatan yang lebih kritikal, analitikal, dan bersifat Malaysia-sentrik. Perkembangan historiografi daerah Larut yang memfokuskan kepada siri insiden yang membawa kepada termeterainya Perjanjian Pangkor 1874 telah memperlihatkan pelbagai elemen penting yang berbeza mengikut kelompok penulis. Penulisan pegawai British lazimnya menjelaskan tindakan campur tangan kolonial melalui justifikasi yang berteraskan kepentingan ekonomi, kestabilan politik dan kelemahan pentadbiran tempatan. Sementara itu, sarjana Barat kemudiannya mengembangkan pendekatan akademik yang lebih objektif, dengan usaha menjarakkan diri daripada ideologi penjajah walaupun masih banyak bergantung kepada sumber kolonial yang terhad dan berat sebelah. Manakala penulisan sarjana tempatan pula tampil dengan ciri yang tersendiri kerana bukan sahaja berbentuk kajian yang lebih mendalam malah melalui pendekatan yang berteraskan pengalaman dan perspektif tempatan. Sumber-sumber kolonial dianalisis secara kritikal bagi memperbetulkan fakta, memperincikan peristiwa yang kurang disentuh dan menonjolkan perkara yang terpinggir. Ringkasnya, historiografi berkenaan dengan peristiwa Perjanjian Pangkor 1874 yang telah dihasilkan oleh ketiga-tiga golongan penulis memperlihatkan hubungan saling berkait rapat antara satu sama yang lain dalam melengkapkan pemahaman yang lebih menyeluruh berkaitan dengan isu tersebut. Penulisan kolonial yang bersifat sehalu telah mencetuskan wacana balas oleh sarjana Barat dan akhirnya mendorong sarjana tempatan untuk meneroka alternatif yang lebih adil dan bersifat menyeluruh. Hal ini secara langsung memperlihatkan bahawa sejarah bukan hanya sekadar catatan peristiwa yang telah berlaku sebaliknya ia merupakan satu medan tafsiran yang dinamik mengikut konteks dan keperluan zaman. Maka, jelaslah bahawa peristiwa berkaitan dengan Perjanjian Pangkor 1874 sebagai peristiwa yang penting dalam sejarah Malaysia telah melalui

proses perkembangan pentafsiran yang kompleks dari segi kandungan dan pendekatannya. Proses ini telah memperkaya historiografi Malaysia dan memperlihatkan kematangan disiplin ilmu ini dalam kalangan sarjana tempatan. Justeru itu, kajian lanjut terhadap aspek historiografi wajar diteliti dalam aspek sejauhmana unsur-unsur seperti penggunaan sumber alternatif, pendekatan pascakolonial dan wacana subaltern memberi impak kepada pembangunan yang lebih inklusif, kritikal dan berpaksikan jati diri negara bangsa Malaysia.

## Nota

<sup>1</sup> Khoo Kay Kim. "The Pangkor Engagement of 1874," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 1, no. 225, 1974, hlm. 2.

<sup>2</sup> Ishak Saat, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Karisma Publication, Shah Alam, 2005, hlm. 118.

<sup>3</sup> *Perak Government Gazette* 1895.

<sup>4</sup> "The State of Perak Annual Report 1884," dlm. *Straits Settlement (S. S.) Government Gazette – January-June 1885*, hlm. 865.

<sup>5</sup> "Report of the Chief Secretary to Government for the year 1922," dlm. *Supplement to the F.M.S. Government Gazette* 1923.

<sup>6</sup> *Malayan Union (M. U.) Annual Report Perak 1st April-31st December 1946*.

<sup>7</sup> *The State of Perak Annual Report 1884*.

<sup>8</sup> *Federated Malay State (FMS) Perak Administration Report 1932*.

<sup>9</sup> *Perak Administration Report for the year 1900*.

<sup>10</sup> "Proclamation July 25," dlm. *Straits Settlement Government Gazette* 1874, hlm. 353-354.

<sup>11</sup> Supplement to the F.M.S Government Gazette 1923, 1926, 1931, 1934; Malayan Union (M. U.) *Annual Report Perak* 1st April-31st December 1946.

<sup>12</sup> *State of Perak Annual Report 1947*.

<sup>13</sup> Fred McNair, *Perak and the Malays: Sarong and Kris*, Tinsley Brother, London, 1878, hlm. 353-360.

<sup>14</sup> Leonard Y. Andaya, *Crossing the Borders of Malaysian History*, Malaysian History from Dutch Sources, National Archives of Malaysia, Kuala Lumpur, 2004, hlm.12.

<sup>15</sup> Sandra Khor Manickam, "Common Ground: Race and the Colonial Universe in British Malaya," *Journal of Southeast Asian Studies* 40, no. 3, 2009, hlm. 600 & 606.

<sup>16</sup> K. G. Tregonning, "A New Approach to Malayan History: Look at Our Story from the Inside not from Outside," *The Straits Times*, 24 November 1958.

<sup>17</sup> Lajiman Janoory, *Malay Women in Colonial Texts*, Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, 2021, hlm. 5.

<sup>18</sup> Lajiman Janoory, *Malay Women in Colonial Texts*, hlm. 4.

<sup>19</sup> Muhamad Hanapi, *Barat Daripada Cerminan Watan*, hlm. 153.

<sup>20</sup> Swettenham, *About Perak*, Straits Times Press, Singapore, 1893, hlm. 4.

<sup>21</sup> Enam bab terakhir lebih menampilkan pembangunan yang dibangunkan semasa tempoh kolonialisme British antaranya "Further Development," "Mining." "Agriculture and the Rise of Townships," "European Society" dan "The Future." Lihat Frank Swettenham, *About Perak*, Straits Times Press, Singapore, 1893.

<sup>22</sup> Sarena Abdullah, "Travel Sketches of Malaya by Sir Frank Swettenham," *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 15, no. 2, 2022, hlm.186.

<sup>23</sup> Fred McNair, *Perak and the Malays*, hlm. 349.

<sup>24</sup> Muhd Hanapi, *Barat Daripada Cerminan Watan*, hlm. 101.

- <sup>25</sup> Azian Tahir et al., "Eurocentrism in the Hunt for the Assassination of J. W. W. Birch in Pasir Salak, Perak by Illustrated London News in 1876: A Visual Analysis," *Alam Cipta* 16, no. 2, 2023, hlm. 18.
- <sup>26</sup> "Capt. Speedy," *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 1 September 1910.
- <sup>27</sup> Mehmet Özey, "An Attempt to Understand the Driving Forces of Historiography in the Eurocentric Perspective in Southeast Asia," *Insan & Toplum* 3, no. 6, 2013, hlm. 276.
- <sup>28</sup> Leonard Wray, "An Account of Affairs in Larut Leading to British Intervention," *JMBRAS* 94, no. 320, 2021, hlm. 202.
- <sup>29</sup> *Supplement to the F. M. S. Government Gazette 1923*.
- <sup>30</sup> Victor Purcell, *The Chinese in Southeast Asia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 263.
- <sup>31</sup> Leonard Wray, "An Account of Affairs in Larut Leading to British Intervention," hlm. 197.
- <sup>32</sup> Richard Winstedt, *Malaya and its History*, Hutchinson & Co., London, 1969, hlm. 64.
- <sup>33</sup> Khoo Kay Kim, *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat 1850-1874*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, Petaling Jaya, 1984, hlm. 146.
- <sup>34</sup> Chai Hon-Chan, *The Development of British Malaya 1896-1909*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1964, hlm. 3.
- <sup>35</sup> Mehmet Özey, "An Attempt to Understand the Driving Forces of Historiography in the Eurocentric Perspective in Southeast Asia," hlm. 272.
- <sup>36</sup> G. R. Elton, *The Practice of History*, Sydney University Press, Sydney, 1967, hlm. 13-14.
- <sup>37</sup> E. B. Fryde, *Humanism and Renaissance Historiography*, The Hambledon Press, London, 1983, hlm. 3-4.
- <sup>38</sup> Syed Ismail Syed Mustapa & Meor Aris Meor Hamzah, *Pensejarahan Malaysia*, Sasbadi Sdn. Bhd, Petaling Jaya, 2016, hlm. 6.
- <sup>39</sup> Rupert Emerson, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, University Malaya Press, Kuala Lumpur, 1964.
- <sup>40</sup> Rupert Emerson, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, hlm. v.
- <sup>41</sup> "Sir William Peel Replies to Mr. Emerson Anti-Imperialistic Bias Mars Book," *The Straits Budget* 28 April 1938.
- <sup>42</sup> Siti Zahrah Mahfood, "Perkembangan Pensejarahan Malaysia," *Malaysia dari segi Sejarah* 35, 2007, hlm. 10.
- <sup>43</sup> Ishak Saat, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, hlm. 118.
- <sup>44</sup> Rupert Emerson, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, hlm. 115-9.
- <sup>45</sup> G. P. Dartford, *A Short History of Malaya*, Longmans, London, 1958, hlm. 161.
- <sup>46</sup> Rupert Emerson, *Malaysia*, hlm. 119.
- <sup>47</sup> Rupert Emerson, *Malaysia*, hlm. xi; Rupert Emerson, *Malaysia: Satu Pengkajian Pemerintahan Secara Langsung dan Tidak Langsung*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987, hlm. xi.
- <sup>48</sup> Barbara Watson Andaya & Leonard. Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Palgrave, Hampshire, 2001, hlm. 159.
- <sup>49</sup> Barbara Watson Andaya & Leonard. Y. Andaya, *A History of Malaysia*, hlm. 153.
- <sup>50</sup> *Ibid*, hlm. xiv.
- <sup>51</sup> K. G. Tregonning, *A History of Modern Malaya*, Eastern Universities Press Ltd, Singapore, 1964.
- <sup>52</sup> K. G. Tregonning, *A History of Modern Malaya*, hlm. 146.
- <sup>53</sup> C. Mary Turnbull, *A History of Malaysia, Singapore and Brunei*, Allen & Unwin Australia Pty Ltd, Australia: 1989, hlm. 135-136.
- <sup>54</sup> G. P. Dartford, *A Short History of Malaya*, hlm. 127.
- <sup>55</sup> K. G. Tregonning, "How Germany Made Malaya British," *Asian Studies* 11, no. 2, 1964, hlm. 180-187.

- <sup>56</sup> K. G. Tregonning, *A History of Modern Malaya*, hlm. 145.
- <sup>57</sup> Kebimbangan terhadap Jerman semakin meningkat lebih-lebih lagi dengan pembangunan kekuatan tentera laut yang dianggap ingin menyaingi British dan hubungannya dengan Siam yang merupakan sebuah 'buffer zone' di antara British dan Perancis. Lihat K. G. Tregonning, "How Germany Made Malaya British," hlm. 184-186; K. G. Tregonning, *A History of Modern Malaya*, hlm. 144-149 & 152.
- <sup>58</sup> Arba'iyah Mohd Noor, "Kritikan Terhadap Sumber dan Fakta Sejarah," *JATI* 5, 2000, hlm. 87.
- <sup>59</sup> Khoo Kay Kim, "Trend dan Perkembangan Pensejarahan Malaysia," in *Sejarah: Sumber dan Pendekatan*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006, hlm. 2-3.
- <sup>60</sup> Mohd Yusof Ibrahim, *Sejarawan dan Pensejarahan Melayu*, Tinta Publishers, Kuala Lumpur, 2011, hlm. 19 & 27.
- <sup>61</sup> Siti Zahrah Mahfood, "Perkembangan Pensejarahan Malaysia," hlm. 15.
- <sup>62</sup> Cheah Boon Kheng, "How I got into Malaysian History," dlm. *Historian and Their Discipline: The Call of Southeast Asian History*, eds. Nicholas Tarling, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 2007, hlm. 31.
- <sup>63</sup> Qasim Ahmad, "Kontroversi Pendekatan Europe-centric-Malaysia-Centric: Suatu Tinjauan Semula," dlm. *Sorotan Terpilih Dalam Sejarah Malaysia*, peny. Mahani Musa & Tan Liok Ee, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2000, hlm. 24.
- <sup>64</sup> John R. W. Smail, "On the Possibility of an Autonomous History of Modern Southeast Asia," *Journal of Southeast Asian History* 2, no. 2, 1961, hlm. 72-73.
- <sup>65</sup> Khoo Kay Kim, "Trend dan Perkembangan Pensejarahan Malaysia," hlm. 2-3.
- <sup>66</sup> Azmi Arifin, "Perak Disturbances 1871-75: British Colonialism, The Chinese Secret Societies and the Malay Rulers," *JEBAT* 39, no. 1, 2012, hlm. 51-74.
- <sup>67</sup> Barbara W. Andaya & Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, hlm. 153-154.
- <sup>68</sup> C. D. Cowan, *Nineteenth-Century Malaya: The Origins of British Political Control*, Oxford University Press, London, 1961, hlm. 57-58.
- <sup>69</sup> Azmi Arifin, "Perak Disturbance 1871-75," hlm. 55-56.
- <sup>70</sup> Abdullah Abdul Hamid, *Ngah Ibrahim: Jutawan Melayu Abad ke-19*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 2022.
- <sup>71</sup> Abdullah Abdul Hamid, *Ngah Ibrahim*, hlm. 96.
- <sup>72</sup> Abdullah Abdul Hamid, *Ngah Ibrahim*, hlm. 104.
- <sup>73</sup> Mahani Musa, *Kongsi Gelap Melayu di Negeri-Negeri Utara Pantai Barat Semanjung Tanah Melayu, 1821 hingga 1940-an*, MBRAS Monograph, 2003, hlm. 119.
- <sup>74</sup> Victor Purcell, *The Chinese in Southeast Asia*, hlm. 264; Fred McNair, *Perak and the Malays*, hlm. 352.
- <sup>75</sup> McNair, *Perak and the Malays*, hlm. 359; Swettenham, *British Malaya*, hlm. 224; Leonard Wray, "An Account of Affairs in Larut Leading to British Intervention," hlm. 201.
- <sup>76</sup> Buyong Adil, *Sejarah Perak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2021, hlm.156.
- <sup>77</sup> Victor Purcell, *The Chinese in Southeast Asia*, hlm. 264.
- <sup>78</sup> Ishak Saat, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, hlm. 116.
- <sup>79</sup> Abdul Rahman Haji Ismail & Azmi Arifin (Ed.), *Sejarah Malaysia: Wacana Kedaulatan Bangsa, Kenegeraan dan Kemerdekaan*, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2016, hlm.vii.
- <sup>80</sup> Syed Ismail Syed Mustapa & Meor Aris Meor Hamzah, "Seuntai Kata," in *Pensejarahan Malaysia*, Sasbadi Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 2016.

## Rujukan

- “Capt. Speedy.” 1910. *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*. September 1.
- “Sir William Peel Replies to Mr. Emerson Anti-Imperialistic Bias Mars Book.” 1938. *The Straits Budget*. April 28.
- Abdul Rahman Haji Ismail & Azmi Arifin. 2016. *Sejarah Malaysia: Wacana Kedaulatan Bangsa, Kenegeraan dan Kemerdekaan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abdullah Abdul Hamid. 2022. *Ngah Ibrahim: Jutawan Melayu Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Andaya, B. W. & Leonard. Y. Andaya. 2001. *A History of Malaysia*. Palgrave.
- Andaya, L. Y. 2004. Crossing the Borders of Malaysian History. Dalam *Malaysian History from Dutch Sources*, 1-28. Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia.
- Arba'iyah Mohd Noor. 2000. “Kritikan Terhadap Sumber dan Fakta Sejarah,” *JATI* 5, 85-102.  
<https://jati.um.edu.my/article/view/6493>
- Azian Tahir, Arba'iyah Mohd Noor, Mohd Firdaus Abdullah, Syed Alwi Syed Abu Bakar & Azman Omar. 2023. “Eurocentrism in the Hunt for the Assassination of J. W. W. Birch in Pasir Salak, Perak by Illustrated London News in 1876: A Visual Analysis,” *Alam Cipta* 16, no.2: 9-21.  
<https://doi.org/10.47836/AC.16.2.PAPER02>
- Azmi Arifin. 2012. “Perak Disturbances 1871-75: British Colonialism, The Chinese Secret Societies and the Malay Rulers,” *JEBAT* 39, no. 1: 51-74.  
<https://journalarticle.ukm.my/5364>
- Baker, J. 2000. *Crossroads: A Popular History of Malaysia & Singapore*. Times Editions Marshall Cavendish.
- Buyong Adil. 2021. *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chai, Hon-Chan. 1964. *The Development of British Malaya 1896-1909*. London: Oxford University Press.
- Cheah, Boon Kheng. 2007. How I got into Malaysian History. Dalam Nicholas Tarling (Ed.), *Historian and Their Discipline: The Call of Southeast Asian History* (hlm. 27-40). Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- CO 574/35-36: Supplement to the F. M. S. Government Gazette. 1923. Federated Malay States: Report of the Chief Secretary to Government for the Year 1922, ANM 2004/0012506, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- CO 574/44 – 45: Supplement to the F.M.S Government Gazette. 1926. Federated Malay States: Report of the Chief Secretary to Government for the Year 1925, ANM 2004/0012512, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- CO 574/59: Supplement to the F.M.S Government Gazette. 1931. Federated Malay States: Report of the Chief Secretary to Government for the Year 1930, ANM 2004/0012525, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- CO 574/70: Supplement to the F.M.S Government Gazette. 1934. Federated Malay States: Report of the Chief Secretary to Government for the Year 1933, ANM 2004/0012535. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Cowan, C. D. (1961). *Nineteenth-Century Malaya: The Origins of British Political Control*. London: Oxford University Press.
- Dartford, G. P. 1958. *A Short History of Malaya*. Kuala Lumpur: Longmans.
- Elton, G. R. 1967. *The Practice of History*. London: Sydney University Press.
- Emerson, R. 1964. *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.

- Emerson, R. 1987. *Malaysia: Satu Pengkajian Pemerintahan Secara Langsung dan Tidak Langsung*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Federated Malay States Government Gazette. 1933. Perak Administration Report 1932, ANM 2006/0053424. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- Fryde, E. B. 1983. *Humanism and Renaissance Historiography*. United Kingdom: The Hambledon Press.
- Ishak Saat. 2005. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Karisma Publication.
- Khoo, Kay Kim. 1974. "The Pangkor Engagement of 1874," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 47, no. 1: 1-12.  
<http://www.jstor.org/stable/41511011>
- Khoo, Kay Kim. 1984. *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Khoo, Kay Kim. 2006. Trend dan Perkembangan Pensejarahan Malaysia. Dalam Danny Wong Tze-Ken (Ed.), *Sejarah: Sumber dan Pendekatan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Lajiman Janoory. 2021. *Malay Women in Colonial Texts*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mahani Musa. 2003. *Kongsi Gelap Melayu di Negeri-Negeri Utara Pantai Barat Semanjung Tanah Melayu, 1821 hingga 1940-an*. MBRAS Monograph no. 36.
- Malayan Union (M. U.) 1947. Annual Report Perak 1st April-31st December 1946, ANM 2006/0053418. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- McNair, F. 1878. *Perak and the Malays: Sarong and Kris*. Rotherham South Yorkshire: Tinsley Brother.
- Muhammad Hanapi. 2021. *Barat dari Cerminan Watan*. Petaling Jaya: Cendekia.
- Muhammad Yusof Ibrahim. 2011. *Sejarawan dan Pensejarahan Melayu*. Kuala Lumpur: Tinta Publisher.
- Özay, M. 2013. "An Attempt to Understand the Driving Forces of Historiography in the Eurocentric Perspective in Southeast Asia," *Insan & Toplum* 3, no. 6: 271-282.  
<http://dx.doi.org/10.12658/human.society.3.6.M0078>
- Perak Administration Report for the year 1900, ANM 2006/0053422. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- Perak Government Gazette 1895.
- Purcell, V. 1980. *The Chinese in Southeast Asia*. London: Oxford University Press.
- Qasim Ahmad. 2000. Kontroversi Pendekatan *Europe-Centric-Malaysia-Centric*: Suatu Tinjauan Semula. Dlm. *Sorotan Terpilih Dalam Sejarah Malaysia*, disunting oleh Mahami Musa & Tan Liok Ee, 23-40. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Sandra Khor Manickam. 2009. "Common Ground: Race and the Colonial Universe in British Malaya," *Journal of Southeast Asian Studies* 40, no. 1: 593-612.  
<https://doi.org/10.1017/S0022463409990087>
- Sarena Abdullah. 2022. "Travel Sketches of Malaya by Sir Frank Swettenham," *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 15, no. 2: 177-204.  
[http://doi.org/10.37052/jm.15\(2\)no2](http://doi.org/10.37052/jm.15(2)no2)
- Siti Zahrah Mahfood. 2007. "Perkembangan Pensejarahan Malaysia," *Malaysia dari segi Sejarah* 35: 1-15.
- Smail, J. R. W. 1961. "On the Possibility of an Autonomous History of Modern Southeast Asia," *Journal of Southeast Asian History* 2, no. 2: 72-102.  
<https://www.jstor.org/stable/20067340>
- State of Perak Annual Report 1947, ANM 2006/0053419. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

- Straits Settlement (S. S.) Government Gazette – January-June 1885. ANM 2006/0000882. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- Straits Settlement Government Gazette. 1874. Proclamation, July 25. National Library Board Singapore, [https://eservice.nlb.gov.sg/flipviewer/data/booksg\\_publish/6/653b02e9-eab8-4aef-9438-ed5627a96ec9/web/html5/index.html?opf=tablet/BOOKSG.xml&launchlogo=tablet/BOOKSG\\_BrandingLogo\\_.png&pn=361](https://eservice.nlb.gov.sg/flipviewer/data/booksg_publish/6/653b02e9-eab8-4aef-9438-ed5627a96ec9/web/html5/index.html?opf=tablet/BOOKSG.xml&launchlogo=tablet/BOOKSG_BrandingLogo_.png&pn=361)
- Swettenham, F. 1893. *About Perak*. Kuala Lumpur: Straits Times Press.
- Syed Ismail Syed Mustapa & Meor Aris Meor Hamzah. 2016. *Pensejarahan Malaysia*. Kuala Lumpur: Sasbadi Sdn. Bhd.
- The State of Perak Annual Report 1884. ANM 2006/0053409. Arkib Negara. Malaysia. Kuala Lumpur.
- Tregonning, K. G. 1958. “A New Approach to Malayan History: Look at Our Story from the Inside not from Outside,” *The Straits Times*, November 24.
- Tregonning, K. G. 1964. *A History of Modern Malaya*. Eastern Universities Press Ltd.
- Tregonning, K. G. 1964. “How Germany Made Malaya British,” *Asian Studies* 11, no. 2: 180-187. [http://lib.perdana.org.my/PLF/Digital\\_Content/NLM/Batch4/DVD01/18-11/18-Nov/M959.503HowGermanyMadeMalayaBritish%5BK.G.Tregonning%5D.pdf](http://lib.perdana.org.my/PLF/Digital_Content/NLM/Batch4/DVD01/18-11/18-Nov/M959.503HowGermanyMadeMalayaBritish%5BK.G.Tregonning%5D.pdf)
- Turnbull, C. M. 1989. *A History of Malaysia, Singapore and Brunei*. Allen & Unwin Australia Pty Ltd.
- Winstedt, R. 1969. *Malaya and its History*. Hutchinson.
- Wray, L. 2021. “An Account of Affairs in Larut Leading to British Intervention,” *JMBRAS* 94, no. 320: 197-202.